

ECRL Hanya 0.02 Peratus Lewat Kerana PKP

PUTRAJAYA : Projek Rangkaian Kereta Api Pantai Timur (ECRL) hanya 0.02 peratus lewat dalam jadual pelaksanaannya berikutan negara mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tetapi kini kembali normal. Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong berkata, kerajaan komited untuk memastikan projek ECRL berjalan lancar sejajar dengan pengumuman Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin bahawa projek mega itu perlu diteruskan.

Menurutnya, kerja-kerja di jajaran Seksyen A sepanjang 210.4 kilometer (km) dari Kota Bharu, Kelantan ke Dungun, Terengganu dan Seksyen B dari Dungun ke Mentakab, Pahang sepanjang 223 km sedang berjalan dengan setakat ini sebanyak 16.45 peratus telah siap. "Bagi Seksyen C dari Mentakab ke Pelabuhan Klang, Selangor, ia memerlukan sedikit penelitian dan perbincangan dengan kerajaan negeri kerana ia merupakan jajaran baharu.

"ECRL bagi jajaran yang telah ditetapkan telah berjalan dan akan menggunakan kaedah terbaik dengan tempoh yang diberikan untuk menyiapkannya," katanya dalam temu bual bersama media sempena 100 hari beliau sebagai Menteri Pengangkutan di sini baru-baru ini. - Bernama

SUMBER: SINAR HARIAN | M/S: 18 | 16 JUN 2020